

KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN: KAJIAN KESELAMATAN INSAN DI TAWAU, SABAH

AMIR SHAH BIN NOOR AHMAD



UMS

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 September 2019

.....
Amir Shah Bin Noor Ahmad
MA1611002T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **AMIR SHAH BIN NOOR AHMAD**
NO MATRIK : **MA1611002T**
TAJUK : **KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN:
KAJIAN KESELAMATAN INSAN DI
TAWAU, SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **HUBUNGAN ANTARABANGSA**
TARIKH VIVA : **17 JANUARI 2020**



DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan disertasi ini, terutamanya kepada penyelia saya Dr Zaini bin Othman yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan sepanjang pengajian saya di UMS. Seterusnya tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang telah memberikan kerjasama terutamanya dalam perkongsian data dan maklumat bagi membantu dalam melengkapkan disertasi ini. Pensyarah-pensyarah UMS yang telah memberika input secara langsung mahupun secara tidak langsung bermula dari pembentangan cadangan kajian hingga kajian ini diselesaikan antaranya adalah Dr. Ramli bin Dollah, Dr Rizal Zamani Idris, Prof Mohd Noor dan Pn Diana Peter selalu ketua program hubungan antarabangsa. Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan yang sama-sama berjuang dalam menyelesaikan sarjana kerana tidak lokek dalam berkongsi ilmu dan pandangan. Dengan bantuan semua pihak maka disertasi ini dapat direalisasikan dengan jayanya.



Amir Shah Bin Noor Ahmad

18 September 2019

ABSTRAK

Isu-isu keselamatan non-tradisional seperti penyeludupan migran asing, dadah, jenayah domestik pendatang asing tanpa izin dan keganasan telah menjadi tumpuan dan sebuah fenomena dalam membincangkan isu keselamatan masa kini. Migrasi yang berpanjangan telah menyumbang kepada fenomena dan kewujudan sebilangan kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah. Golongan ini merupakan golongan yang terpinggir dan terdedah dengan pelbagai ancaman, dengan menggunakan konsep keselamatan insan maka kajian ini mengupas dua komponen utama keselamatan insan iaitu '*freedom from fear*' dan '*freedom from want*' ke atas kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah. Tiga objektif utama kajian ini iaitu pertama, membincangkan faktor penyumbang fenomena kewujudan kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah dari segi faktor tolakan dan tarikan dalam konteks Sabah dan Indonesia. Kedua, membincangkan aspek keselamatan insan dihadapi oleh kanak-kanak tanpa dokumen dan yang ketiga ialah menganalisis keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan cabaran yang dihadapi oleh Sabah dalam mendepani semua ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pengumpulan data primer iaitu temubual bersama kanak-kanak dan ibu bapa warganegara Indonesia di Ladang dan Pusat Tahanan Sementara (PTS) serta temubual bersama agensi yang terlibat dan juga melalui kaedah pemerhatian di ladang. Selain itu, pengumpulan data skunder juga turut dijalankan melalui semakan dokumen-dokumen dan penyelidikan sebelumnya seperti, buku, jurnal dan tesis. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kewujudan kanak-kanak tanpa dokumen disebabkan pelbagai faktor tolakan dan tarikan seperti peluang pekerjaan ibu bapa mereka di Sabah dan takut untuk berpisah dengan anak-anak. Keselamatan kanak-kanak tidak berdokumen ini tidak terjamin kerana terdedah kepada pelbagai eksploitasi dan hak-hak asas mereka tidak dapat dipenuhi dengan baik. Dalam langkah mengatasi masalah ini, pelbagai usaha-usaha telah dilaksanakan dalam menguatkuasakan undang-undang namun pelbagai cabaran dihadapi oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam mengekang fenomena kanak-kanak tanpa dokumen ini terus berkembang di Sabah. "*Freedom from fear* dan *freedom from want* kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah tidak dapat dipenuhi sepenuhnya disebabkan pelbagai faktor yang menghalang.

Kata kunci: Kanak-Kanak Tanpa Dokumen, Keselamatan Insan, Pendatang Asing Tanpa Izin, Migrasi

ABSTRACT

UNDOCUMENTED CHILDREN: A STUDY ON HUMAN SECURITY IN TAWAU SABAH

Non-traditional security issues such as illegal migrating, drug smuggling, domestic crime, illegal immigrant and terrorism became the main priority issue when discussing about security threats recently. Migration activities have contributed to a new phenomena which has led to undocumented children in Sabah. This so-called group has been isolated by society, it is vulnerable and exposed to many kind is of threats. Therefore, by using the human security concept, this thesis will elaborate two main components of of the concept, which is included, "freedom from fear" and "freedom from want" to the undocumented children in Sabah. There are three main objectives of this research, the first point is, to discuss the factors that are contributing and leading to the existence of this phenomena of undocumented children, and the push factors in context of Sabah. Secondly, to discuss about human security threats faced by these children, and lastly, the third point is, to analyse the effectiveness of law enforcement and challenges that the Sabah state faces to overcome this issue. This research is conducted with qualitative method by collecting premier data through interviews conducted by both the child and parents in a Plantation and Detention Centre. In addition, the interview session was also conducted with some agencies that are related with the issue and through observation in the fields. Beside that, secondary data collection activities was also done through literature review, documented review from book sources, journal and thesis. From this research, it is found out that the push factor that encourages them to migrate to Sabah is job opportunities. The parents tend to bring their children together because of the fear of separate with their sons and daughters. Undocumented children in Sabah are highly exposed to exploitation and their rights abised. In order to overcome the issue, a few steps has been taken by government as well as non-government organization to full-fulfill their basic needs for these children and to solve this issues from spreading and getting worst. However, freedom from want and freedom from fear of the children have not been fully fulfilled with causes of other factors..

Keywords: *Undocumented Children, Human Security, Illegal immigrant, Migration*

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI PETA	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	11
1.3	Persoalan Kajian	13
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Metodologi Kajian	14
1.5.1	Tempoh Masa Kajian	15
1.5.2	Kaedah Kutipan Data	16
1.5.3	Analisis Data	19
1.6	Kawasan Kajian	20
1.6.1	Latar Belakang Fizikal Kawasan Kajian	21
1.7	Skop Kajian	22
1.8	Kepentingan Kajian	24
1.9	Limitasi Kajian	25

BAB 2 : KESELAMATAN INSAN DAN KANAK-KANAK

TANPA DOKUMEN: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Konsep Keselamatan	27
2.2.1	Debat Keselamatan Semasa Perang Dingin (1945-1990)	30
2.2.2	Debat Keselamatan Selepas Perang Dingin (1990 Hingga Hari ini)	32
2.3	Keselamatan Insan	36
2.3.1	<i>Freedom From Want</i>	40
2.3.2	<i>Freedom From Fear</i>	42
2.3.3	Debat Keselamatan Insan	44
2.3.4	Ancaman Dalam Keselamatan Insan	47
2.4	Keselamatan Insan Kanak-kanak Tanpa Dokumen	51
2.5	Kajian Berkenaan Kanak-Kanak Tanpa Dokumen	56
2.5.1	Kehidupan Seharian Kanak-Kanak Tanpa Dokumen	59

2.5.2	Kanak-Kanak Di Pusat Tahanan Sementara Dan Deportasi	61
2.5.3	Kanak-Kanak Tanpa Dokumen di Malaysia	63
2.6	Kerangka Konseptual Dan Definisi Konsep	64
2.7	Rumusan	65
BAB 3 : PENDATANG ASING TANPA IZIN DAN KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN DI SABAH		
3.1	Pengenalan	66
3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	67
3.3	Warga Asing di Sabah	69
3.4	Tawau Dan Fenomena Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)	73
3.5	Kanak-Kanak Tidak Berdokumen Di Kawasan Kajian	80
3.6	Penyebab Kanak-Kanak Tidak Berdokumen	82
3.6.1	Ibu Bapa PATI Dan Anak Tidak Berdokumen	82
3.6.2	Ibu Bapa Berdokumen Sah Tetapi Anak Tidak Berdokumen	85
3.7	Keperluan Kanak-Kanak Bersama Ibu Bapa	88
3.7.1	Kanak-Kanak Terbiar Tanpa Ibu Bapa Di Negara Asal	88
3.7.2	Desakan Ekonomi	88
3.7.3	Kurangnya Kesedaran Terhadap Pendidikan	89
3.7.4	Motivasi Kerja	89
3.7.5	Keluarga Bercerai	89
3.8	Rumusan	90
BAB 4 : KEHIDUPAN SEHARIAN KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN DI KAWASAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	92
4.2	Pendidikan	93
4.2.1	Community Learning Centre (Kedutaan Indonesia)	94
4.2.2	Pusat Kegiatan Belajar Masyarakat (Yayasan Peduli Insan Nusantara)	96
4.2.3	Humana	97
4.3	Tempat Tinggal	98
4.4	Kanak-Kanak Tidak Bersekolah	100
4.5	Taman Permainan Dan Rekreasi	102
4.6	Kemudahan Perubatan	103
4.7	Rumusan	106
BAB 5 : ANCAMAN KESELAMATAN INSAN TERHADAP KANAK-KANAK TIDAK BERDOKUMEN DI SABAH		
5.1	Pengenalan	107
5.2	Ancaman Ancaman Keselamatan Insan	108
5.2.1	Ketakutan Terhadap Operasi	109
5.2.2	Takut Ke Hospital	111
5.2.3	Ketakutan Untuk Ke Bandar	112

5.2.4	Perkahwinan Usia Muda	113
5.2.5	Acaman Kesihatan	114
5.2.6	Pendidikan	115
5.2.7	Buruh Kanak-Kanak	117
5.2.8	Terpisah Dari Keluarga	119
5.3	Penyeludupan Dan Pemerdagangan Manusia	121
5.4	Makanan	123
5.5	Rumusan	123
 BAB 6 : PERANAN KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN DALAM MENANGANI ISU KANAK-KANAK TIDAK BERDOKUMEN		
6.1	Pengenalan	125
6.2	Kerjasama Indonesia Dan Malaysia	127
6.2.1	Malaysia	130
6.2.2	Indonesia	135
6.3	Badan Antarabangsa	137
6.4	Badan Bukan Kerajaan (NGO)	139
6.4.1	YAPINUS	139
6.4.2	Humana Child Aid Society	141
6.5	Rumusan	142
 BAB 7 : PENUTUP		
7.1	Pengenalan	144
7.2	Cadangan	150
7.3	Potensi Kajian Masa Hadapan	153
7.4	Kesimpulan	154
 BIBLIOGRAFI		
 LAMPIRAN		



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Statistik Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Baru Dan Lanjutan Mengikut Sektor Dan Warganegara Bagi Tahun 2017	68
Jadual 3.2 : Statistik Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Baru Dan Warga Asing Myanmar dan Nepal di Sabah	70
Jadual 3.3 : Penduduk Bukan Warganegara Di Sabah Mengikut Negara Dan Kumpulan Umur Tahun 2010	71
Jadual 3.4 : Penduduk Bukan Warganegara Di Sabah Mengikut Negara Dan Kumpulan Umur Tahun 2000	72
Jadual 3.5 : Taburan Penduduk Mengikut Kewarganegaraan, Sabah 2010	74
Jadual 3.6 : Statistik Program Pemutihan Dan 6P Di Sabah	79
Jadual 3.7 : Statistik Pengusiran Anak-Anak Indonesia Melalui Laut Sepanjang Tahun 2017	81
Jadual 4.1 : Fi Perubatan Bagi Waga Asing Di Hospital Kerajaan	104
Jadual 4.2 : Fi Perubatan Bagi Warganegara Di Hospital Kerajaan	104

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kanak-Kanak Tanpa Dokumen Di Sektor Perladangan Kelapa Sawit Sabah	64
Rajah 3.1 Pecahan Kesalahan PATI Berdaftar Mengikut Kesalahan Dan Warganegara Program 5P Jabatan Imigresen Sabah	80



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1 Peta Kawasan Tawau	22
Peta 3.1 Peta Daerah Tawau	76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1 Gambar CIQS Tawau	21
Gambar 3.1 Kawasan Pendaratan Yang Dikenali Sebagai "Batu-Batu"	84
Gambar 3.2 Kanak-kanak tidak berdokumen di Pusat Tahanan Sementara	87
Gambar 4.1 Aktiviti Pembelajaran di Cawangan CLC Pekan Kalabakan	95
Gambar 4.2 Aktviti Mengajar Di Pusat Kegiatan Belajar Masyarakat	96
Gambar 4.3 Aktviti Mengajar Di Humana	97
Gambar 4.4 Perumahan Pekerja Di Ladang Kawasan Kalabakan	99
Gambar 4.5 Perumahan Pekerja Di Ladang Kawasan Kalabakan	99
Gambar 4.6 Kanak-Kanak Yang Tidak Bersekolah	101



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

CIQS	- Custom, Immigration, Quarantine and Security
CLC	- Community Learning Centre
COM	- Check Out Memo
ISIS	- Islamic State of Iraq and Sham
JIM	- Jabatan Imigresen Malaysia
JPN	- Jabatan Pendaftaran Negara
KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar
KJRI	- Konsulat Jendral Indonesia
KKTD	- Kanak-Kanak Tanpa Dokumen
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
KRI	- Konsulat Republik Indonesia
MNLF	- Moro National Liberation Front
NGO	- Non-Governmental Organization
NS	- National Security
OECD	- Organisation For Economic Cooperation and Development
PATI	- Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	- Pertubuhan Bangsa Bersatu
PLBD	- Pos Lintas Batas Darat
PLBL	- Pos Lintas Batas Laut
PLKS	- Pas Lawatan Kerja Sementara
PLS	- Pas Lawatan Sosial
PTS	- Pusat Tahanan Sementara
SD	- Sekolah Dasar

SIKK	- Sekolah Indonesia Kota Kinabalu
SMA	- Sekolah Menengah Atas
SMP	- Sekolah Menengah Pertama
TKI	- Tenaga Kerja Indonesia
TNKU	- Tentera Nasional Kalimantan Utara
TVPA	- Trafficking Victims Protection Act
UNCRC	- United Nations Convention on The Rights Of The Child
UNDP	- United Nations Development Programme
UNHCR	- United Nations Trust Fund for Human Security United Nations High Commissioner for Refugees
UNTFHS	- United Nations Trust Fund for Human Security
WNI	- Warganegara Indonesia
YAPINUS	- Yayasan Peduli Insani Nusantara




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

Lampiran A	Contoh Soalan Temubual Secara Temubual Tidak Berstruktur	171
------------	--	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN


1.1. Pengenalan

Secara tradisionalnya, dalam konteks kajian ilmu hubungan antarabangsa, isu keselamatan adalah tertumpu kepada persoalan keselamatan negara dan juga persoalan perperangan yang sukar untuk diselesaikan. Berakhirnya perang dingin pada tahun 1991 yang juga seiring dengan kejatuhan Empayar Kesatuan Soviet telah membuka ruang kepada perubahan kajian politik antarabangsa. Semasa era perang dingin mekanisme yang digunakan bagi mengawal konflik adalah melalui pencegahan dan dan perperangan demi memastikan keselamatan negara (National Security) terjaga (Morgan, 2003).

Pada penghujung era perang dingin hingga ke era pasca perang dingin, kajian keselamatan dalam disiplin hubungan antarabangsa telah menuai perdebatan di kalangan sarjana seperti Richard Ullman (1983), Jessica Tuchman Mathew (1989), Brad Roberts (1990) dan Beverly Crawford (1994) yang secara tidak langsung telah menyumbang kepada pemikiran baru dalam kajian keselamatan (Krause & Williams, 1996). Kajian keselamatan telah beranjak daripada keselamatan tradisional kepada non-tradisional yang juga dikenali sebagai keselamatan insan (Swanström, 2010). Isu-isu yang berkaitan kemanusiaan semakin mendapat tempat serta perhatian di kalangan sarjana-sarjana keselamatan. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perubahan tumpuan kajian keselamatan daripada keselamatan negara kepada keselamatan insan. Fenomena pelanggaran hak-hak kemanusiaan serta ancaman keselamatan terhadap kanak-kanak antara isu penting yang dimuat dalam Laporan United Nation Development Program (1994) yang antara lain membahaskan tentang pentingnya melindungi

kanak-kanak daripada ancaman kesihatan, ancaman persekitaran, penderaan, mangsa pembunuhan, mangsa penderaan dan pengniayaan, kekurangan akses kepada makanan dan akses kepada pendidikan yang terhad.

Tumpuan dunia terhadap isu kemanusiaan dan pembangunan insan secara tidak langsung telah menjadikan konsep keselamatan insan semakin mendapat tempat pada penghujung perang dingin. Isu keselamatan sebelum perang dingin melihat keselamatan itu dari aspek yang besar seperti negara dan ketenteraan, namun isu-isu yang lebih dalam seperti isu individu biasanya terlepas dari kajian keselamatan pada era tersebut. Begitu juga dengan isu Kanak-Kanak Tanpa Dokumen (KKTD). Antara elemen yang sering diabaikan apabila mengupas isu ini adalah melihat bahawa kanak-kanak merupakan kumpulan yang paling terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman. Apatah lagi kanak-kanak yang tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah sebagai seorang warganegara. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat situasi kanak-kanak yang tidak berdokumen di sekitar pantai timur Sabah daripada perspektif keselamatan insan sebagai pegangan dan rujukan utama bagi kajian ini.



Pendebatan berkenaan keselamatan insan ini mula mendapat perhatian dan dikembangkan oleh dua negara pertengahan (*middle power*) barat iaitu Kanada dan Norway. Seterusnya konsep ini pula berkembang kepada beberapa negara Asia seperti Jepun dan Asia Tenggara seperti Thailand (Konrad, 2006; Hudson, 2015). Walau bagaimanapun, kebanyakan negara Asia menganggap isu keselamatan insan hanyalah salah satu konspirasi negara Barat untuk menyebarkan idea nilai-nilai liberalisme dan institusi-institusi politik ke atas negara bukan barat (Acharya, 2001). Walaupun wujud persepsi mengenai penggunaan konsep ini dalam konteks Asia, namun isu-isu yang berkaitan dengan *people centered* yang menjadi idea utama dalam keselamatan insan ini semakin meluas. Sebagai contoh, di Asia Tenggara ancaman terhadap keselamatan insan semakin meningkat dalam berbagai isu seperti bencana alam seperti Tsunami di Lautan Hindi (Kamran, 2009), gempa bumi di Yogyakarta, banjir, letusan gunung berapi dan ribut taufan yang terjadi di Filipina serta Indonesia. Seterusnya isu kesihatan dan penyebaran wabak (HIV/AIDS, selesema burung dan Sars), isu alam sekitar (pencemaran udara dan kemusnahan hutan), isu keselamatan, pelanggaran hak asasi manusia, kebanjiran

pendatang asing dan perdagangan manusia serta migrasi manusia dari satu negara ke negara lain yang pada akhirnya menyebabkan wujudnya masalah buruh kanak-kanak tidak berdokumen (Curley & Thomas, 2010; Purkayastha, 2017).

Perang Dunia Kedua (World War II) telah menyebabkan kemasuhan yang besar terhadap negara, kekurangan bahan mentah, makanan, kemasuhan kilang-kilang, serta aktiviti perdagangan yang tersekut telah menjadi suatu beban yang berat terhadap manusia dan negara ketika itu. Berakhirnya Perang Dunia Kedua bukanlah pengakhiran kepada perperangan antara negara sebaliknya perperangan terus berlangsung pada tahun 1945 hingga tahun 1989 yang dikenali sebagai Perang Dingin (*Cold War*). Era Perang Dingin telah mempertemukan seterusnya utama antara negara blok barat yang dianggotai oleh Amerika dan negara-negara NATO dengan negara di bawah blok Kesatuan Republik Sosial Soviet (USSR) (CVCE, 2016). Perang Dingin yang telah berlangsung selama 44 tahun ini telah menyebabkan berlakunya migrasi pelarian dari negara asal ke negara lain. Faktor utama yang menyebabkan pelarian migrasi semasa perang dingin adalah pembunuhan beramai-ramai, perang saudara dan perang antarabangsa (Buzurukov & Lee, 2016). Sama halnya yang berlaku di Asia Tenggara apabila berlaku migrasi pelarian Vietnam pada tahun 1975 hingga 1991 ke Malaysia yang disebabkan oleh pencerobohan Amerika Syarikat di Vietnam (Syahrul Alim & Azlizan, 2018).

National Security (NS) telah mendominasi perbincangan-perbincangan analisis keselamatan pembuatan keputusan ketika perang sepanjang tempoh Perang Dingin. Pada tahun 1970 hingga 1990, berlaku krisis minyak di timur tengah dan meningkatnya kesedaran terhadap kemasuhan alam sekitar di seluruh dunia yang telah membuka lembaran baru dan permulaan kepada perdebatan keselamatan yang lebih luas dengan terma keselamatan bukan ketenteraan (Acharya, 2008). Konsep keselamatan yang lebih luas semakin berkembang pada awal tahun 90an, tepatnya pada tahun 1994, apabila konsep baru iaitu konsep keselamatan insan menjadi perdebatan di peringkat organisasi dan akademik. Konsep ini telah mengalihkan tumpuan daripada *State Centric* kepada *People Centric* (Tadjbakhsh, 2005).

Konsep keselamatan insan yang diperkenalkan oleh UNDP pada tahun 1994

melalui laporannya telah menekankan dua komponen utama keselamatan insan iaitu '*Freedom from fear*' dan '*freedom from want*'. Dalam laporan tersebut keselamatan manusia merangkumi keselamatan kanak-kanak yang berdepan dengan pelbagai ancaman termasuklah ancaman kesihatan, kebuluran di kalangan kanak-kanak, keadaan persekitaran kanak-kanak yang tidak selamat, penderaan, pembunuhan kanak-kanak, kematian kanak-kanak disebabkan perang, pembunuhan kanak-kanak, pelacuran kanak-kanak, imunisasi yang tidak mencukupi, pendidikan yang tidak mencukupi serta migrasi antarabangsa (UNDP, 1994).

Graham & Poku (2000) menyatakan bahawa tidak dapat diragui migrasi akan terus dilihat sebagai ancaman kepada keselamatan insan. Migrasi yang tidak teratur akan mewujudkan masalah baru yang dipanggil pendatang asing sama ada terhadap orang dewasa maupun kanak-kanak. Kebanjiran pendatang asing tanpa izin (*Irregular Migration*) telah mendedahkan migran dengan ketidakselamatan (Koser, 2005). Seperti yang berlaku di England dan Amerika Syarikat telah memberi kesan lain terhadap kanak-kanak migran yang kerap berhadapan dengan isu kanak-kanak tidak berdokumen sah seperti kanak-kanak migran kulit hitam di *Amerika Syarikat* yang merupakan penyumbang kepada kanak-kanak jalanan (Wills *et al.*, 2013).

Faktor tolakan dan tarikan (*push-pull*) yang merangkumi ekonomi, persekitaran, dan demografi merupakan faktor kepada berlakunya migrasi (Haas, 2013). Penghijrahan mendorong manusia untuk bergerak dari negara asal ke negara yang lain untuk mendapatkan jaminan kehidupan yang lebih baik dan bermaruah bagi menjamin kelangsungan hidup, sehingga pada akhirnya mewujudkan masalah baru iaitu '*irregular migrant*', '*illegal migrant*' atau '*undocumented migrant*' bagi kemasukan migran yang tidak teratur ke suatu negara yang dituju. Menurut International Organization Migration (IOM), '*Irregular Migrant*' merupakan terma yang digunakan bagi menggambarkan seorang migran yang bergerak ke sebuah negara asal, transit atau negara penerima secara tidak teratur mengikut perundangan yang berkuatkuasa (IOM, 2011). Manakala '*illegal Migrant*' merujuk kepada terma yang digunakan sebelum munculnya istilah '*irregular migrant*', yang turut menggambarkan tentang tindakan seseorang yang

melanggar undang-undang negara ataupun antarabangsa namun yang dimaksudkan kepada '*illegal migrant*' adalah perlakuan bukan individu tersebut (Jandl & vogel, 2008). Seterusnya, istilah '*undocumented migrant*' pula merujuk kepada '*irregular migrant*' namun isitlah ini selalu digunakan di wacana media dan ahli politik (Clandestino, 2009).

Migran dewasa yang berhijrah bersama anak-anak atau migran yang melahirkan anak di negara yang dituju telah mewujudkan isu domino apabila penambahan bilangan '*irregular migrant*' termasuk dari kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang membesar dalam keadaan tidak mempunyai dokumen akan berdepan dengan isu-isu memberi ancaman keselamatan insan kepada mereka. Seperti yang berlaku terhadap migran dari Somalia, Afghanistan dan Sri Lanka yang ditahan di pusat tahananan (*Detention Centre*) Indonesia, Turkey, Greece, Libya dan Egypt yang merupakan negara transit sebelum masuk ke Australia, United Kingdom dan negara-negara Scandinavian (Farmer, 2013).

Menurut Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) (2000), definisi migran antarabangsa merujuk kepada seseorang yang melintasi sempadan, bertukar tempat tinggal dan dianggap warga asing di negara yang dituju. Manakala migran yang tidak berdokumen pula dikenali sebagai '*undocumented alien*' atau juga '*irregular immigrant*' yang merupakan migran yang tinggal di sebuah negara tanpa mempunyai sebarang dokumen sah yang menghalang mereka mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti yang boleh dinikmati oleh warganegara (Petersen, 1978). Migran yang dimaksudkan termasuklah kanak-kanak. Menurut Akta Imigresen Malaysia 1957/63 imigran larangan (*Prohibited Immigrant*) yang juga dikenali sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditakrifkan sebagai seseorang warga asing yang menyalahi seksyen 5,6,8,9 Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Menurut (OECD) melalui *International Migration Outlook* pada tahun 2009 menjelaskan bahawa kebanyakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) masuk melalui pintu masuk yang tidak sah, dokumen palsu dan tinggal lebih masa. Bilangan sebenar pendatang asing amatlah sukar untuk dianggarkan kerana

pendatang asing secara umumnya tidak pernah direkodkan dan sukar untuk dibezakan sama ada mereka sah ataupun tidak sah ketika marentasi sempadan. Walau bagaimanapun, terdapat negara yang secara rutin mengeluarkan statistik PATI iaitu Australia, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat (OECD, 2009). Menurut OECD, istilah ‘Illegal Migrant’ atau ‘*Illegal Migration*’ seharusnya dielakkan dan istilah yang paling sesuai digunakan adalah ‘*irregular migration/migrant*’ kerana istilah ‘*illegal*’ seolah-olah menyalahkan sepenuhnya pada migran tersebut sedangkan selalunya ada orang tengah yang menyebabkan mereka menjadi ‘*illegal*’ seperti mana kes pekerja ‘*illegal*’ yang dibelakangnya selalu ada majikan yang ‘*illegal*’ manakala terma ‘*undocumented*’ telah digunakan pada *International Conference on Population and Development* (Kostas, 2017)

Walau bagaimanapun, istilah ini tidak merujuk kepada semua kes ‘*irregular*’. Sebagai contoh pelancong yang masuk ke negara dituju dan kemudiannya menjadi pekerja, begitu juga dengan kes penyeludupan manusia yang pada asalnya masuk menggunakan dokumen yang sah namun pada akhirnya telah menyalahgunakan dokumen. *International Organization of Migration* (IOM) menjelaskan bahawa *irregular migration* sebagai suatu istilah yang paling sesuai untuk menggambarkan migrasi hari ini. Ketika *irregular migration* sinonim dengan beberapa terma seperti *illegal migration*, *undocumented migration* dan *clandestin migrant* (pendatang haram), terma *irregular migration* dinilai lebih tepat untuk menggambarkan ‘*irregularities*’ dengan beberapa peringkat migran daripada *recruitment* hingga tinggal lebih masa. Contohnya, *irregular migration* adalah seperti pelancong yang tinggal lebih masa, pelajar yang bekerja, pekerja yang lari dari majikan, pelatih yang tingal lebih masa, pekerja yang diperdagangkan dalam industri seks (Piyasiri Wickramasekara, 2000).

Menurut Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak dan Akta Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCRC) 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun. Manakala istilah Pendatang Asing Tanpa Izin (*Irregular migrant children*) pula merujuk kepada tiga kategori migran iaitu masuk secara haram, tinggal lebih masa dan gagal mendapatkan suaka, (Woodbridge, 2005). Kanak-kanak migran tidak teratur dianggap sebagai

“Pendatang Haram” di bawah Akta Imigresen Malaysia 1959/63 dan mereka boleh ditangkap, didakwa dan ditahan (Child Right Coalation Malaysia, 2012).

Mengukur anggaran bilangan sebenar PATI di sebuah negara bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi data yang dipaparkan selalu terlepas pandang berkenaan data kanak-kanak tanpa dokumen walaupun beberapa kaedah anggaran telah diperkenalkan namun masih tetap diperdebatkan (Lukes *et al.*, 2009). Sebab utama yang dikenalpasti adalah terdapat daripada mereka yang bersembunyi dan berkeinginan kekal dengan status tersebut (Bloch *et al.*, 2007). Ditambah lagi dengan takrifan yang berbeza dari segi perundangan yang diterima pakai sebagai definisi PATI menimbulkan cabaran dalam membuat perbandingan data-data terhadap PATI (Volmer, 2008). Ketiga-ketiga kombinasi ini menjelaskan begitu sukar mendapatkan data yang tepat berkenaan bilangan Kanak-kanak Tanpa Dokumen (KKTD).

Migrasi kanak-kanak bukanlah perkara yang baru berlaku, bahkan sebelum berlakunya perang dingin, migrasi kanak-kanak ini telahpun wujud apabila berlakunya migrasi beramai-ramai dari United Kingdom ke Australia sekitar tahun 1947 dan kemudiannya juga turut terjadi migrasi dari negara Asia pada sekitar tahun 1970 (Graema hugo, 2001). Menurut childmigranttrusts.com, pada tahun 1970 seramai 130,000 kanak-kanak daripada United Kingdom digerakkan ke Canada, New Zealand, Zimbabwe dan Australia. Walau bagaimanapun, migrasi ini berbeza dengan migrasi yang berlaku selepas berlakunya Perang Dingin. Migrasi yang berlaku selepas perang dunia ke dua itu adalah disebabkan dasar pemerintah bagi menambah bilangan penduduk berkulit putih di negara yang dituju. Dasar *White Australia Policy* yang diperkenalkan oleh British pada tahun 1901 hingga 1907 telah menggalakkan lagi penghijrahan dari Eropah ke Australia dan dalam masa yang sama juga menyekat masyarakat yang bukan dari golongan bukan kulit putih. Dasar tersebut akhirnya ditamatkan pada tahun 1975. Manakala kebanyakan migrasi kanak-kanak selepas perang dingin adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan bagi mendapatkan pelindungan serta kehidupan yang lebih sejahtera dengan cara mengikuti orang tua.

Kanak-Kanak migran ini berhadapan dengan kekurangan pendidikan dan